

## KHUTBAH JUMAAT

### “GOLONGAN YANG DIKASIHI ALLAH” (8 September 2023M/ 22 Safar 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **‘Golongan Yang Dikasihi Allah ’**

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Allah *subhanahu wata'ala* telah menciptakan makhluknya dengan pelbagai bentuk, rupa dan keadaan. Ada yang dilihat cantik dan ada

yang dipandang buruk pada pandangan mata kasar manusia. Begitu jugalah dengan penciptaan manusia, ada yang Allah golongan mereka dalam kalangan orang yang dikasihi dan ada pula golongan yang dimurkai oleh-Nya. Antara golongan manusia yang dikasihi Allah ialah;

**Pertama :** (الْمُتَّقُونَ) iaitu orang yang bertakwa.

Orang yang bertakwa ialah orang yang sentiasa menunaikan janji mereka terhadap Allah untuk menjadi seorang hamba yang sentiasa taat dan patuh untuk melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah *subhanahu wata'ala* menjanjikan kasih sayang-Nya kepada orang yang bertakwa. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 76:

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ ۖ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ

**Maksudnya:** *Bahkan (mereka berdosa memakan hak orang, kerana), sesiapa yang menyempurnakan janjinya (mengenai hak orang lain) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa.*

**Kedua:** (الْمُحْسِنُونَ) iaitu orang yang membuat kebaikan.

Antara amalan baik yang menyebabkan golongan ini mendapat kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* adalah seperti yang dijelaskan melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

**Maksudnya:** *laitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang yang menahan kemarahannya, dan orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;*

**Ketiga :** (الْمُتَطَهِّرُونَ) iaitu orang yang membersihkan diri dan (التَّوَّابُونَ)

iaitu orang yang bertaubat.

(الْمُتَطَهِّرُونَ) ialah golongan manusia yang sentiasa membersihkan

diri mereka daripada sebarang bentuk kekotoran zahiriah. Seperti bersih daripada najis yang terdapat pada tempat, pakaian, makanan dan minuman harian mereka. Begitu juga mereka adalah golongan yang sentiasa membersihkan diri mereka dengan memeliharanya daripada melakukan dosa dan maksiat.

Manakala (التَّوَّابُونَ) pula ialah orang yang membersihkan diri mereka

dengan bertaubat kepada Allah *subhanahu wata'ala* daripada segala dosa dan maksiat yang telah dilakukan. Kedua-dua golongan ini merupakan golongan yang dikasihi Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 222:

... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

**Maksudnya:** ... Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* turut menegaskan bahawa sebaik-baik anak Adam (manusia) yang berdosa ialah mereka yang bertaubat terhadap dosa yang telah mereka lakukan. Hadis daripada Anas *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ ))

**Maksudnya:** Setiap anak Adam itu ada melakukan dosa. Dan sebaik-baik orang yang melakukan dosa itu ialah mereka yang bertaubat.

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

**Keempat :** (الصَّابِرُونَ) iaitu orang yang sabar.

Kesabaran dalam menghadapi pelbagai situasi dalam kehidupan bukanlah suatu perkara yang mudah. Kadang-kadang seseorang yang ingin mendapatkan kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* terpaksa bersabar dengan mengorbankan hartanya, tenaganya, masa lapangnya malah nyawanya demi agama Islam. Lihatlah bagaimana Allah *subhanahu wata'ala* telah menjelaskan kepada kita kisah kesabaran para pengikut nabi-nabi yang terdahulu. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 146:

وَكَايِنٍ مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ  
اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ

**Maksudnya:** Dan berapa banyak dari Nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang yang sabar.

**Kelima:** (المُقْسِطُونَ) iaitu orang yang berlaku adil.

Bersikap adil dan tegas dalam memutuskan sesuatu perkara bersesuaian dengan syariat Allah *subhanahu wata'ala* merupakan perkara yang amat dituntut dalam agama. Berlaku adil dalam setiap perkara merupakan perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan orang yang menegakkan keadilan akan mendapat kasih sayang-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Maidah, ayat 42:

... وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

**Maksudnya:** ... dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

**Keenam :** (الْمُتَوَكِّلُونَ) iaitu orang yang bertawakkal.

Orang yang bertawakkal ialah golongan yang bergantung harap hanya kepada ketentuan Allah *subhanahu wata'ala* setelah melakukan pelbagai usaha untuk mencapai sesuatu matlamat yang dipikikan. Mereka meyakini bahawa sesuatu perkara itu baik dan buruknya adalah datangnya daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 159:

... فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

**Maksudnya:** ... kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang yang bertawakal kepadaNya.

Golongan seterusnya yang juga dikasihi oleh Allah *subhanahu wata'ala* ialah golongan yang mencontohi keperibadian Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dalam semua perkara sama ada dalam soal kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan juga kehidupan bernegara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 31.

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

**Maksudnya:** Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Antara tanda yang menunjukkan seseorang itu mendapat kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* ialah dia semakin dekat dengan agama Allah *subhanahu wata'ala*. Ertinya jika seseorang itu rajin solat, rajin menghadiri majlis-majlis ilmu, suka mendengar nasihat-nasihat agama, rajin membaca al-quran serta ringan tulang untuk melakukan amalan soleh yang lain serta amat membenci perkara maksiat dan melalaikan, itu merupakan tanda akan kecintaan Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita.

Hadis daripada Abdullah Bin Mas'ud *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

*(( Sesungguhnya Allah azza wa jalla memberi dunia kepada orang yang Allah sukai dan yang Allah tidak sukai. Namun Allah tidak memberi agama kecuali kepada orang yang Allah suka sahaja. Sesiapa yang diberi agama, maka bererti dia telah dicintai oleh Allah.))*

*(Hadis riwayat Imam Ahmad)*

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

**Pertama** : Umat Islam hendaklah memperkukuhkan aqidah dan mempertahankan agama Islam untuk meraih kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua** : Kita hendaklah melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan meninggalkan larangannya sekiranya ingin mendapat kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah sentiasa berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar dikurniakan kebaikan, kerahmatan dan terhindar daripada azab Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 201:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ

**Maksudnya:** *Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan,

kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.